

17/07/2002

Indonesia sambut baik peralihan kuasa Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Indonesia menyambut baik kelancaran proses peralihan kepemimpinan di Malaysia dan berharap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan ke republik itu sebelum berundur Oktober tahun depan.

Duta Indonesia, Hadi A Wayarabi Alhadar, berkata rakyat Indonesia amat berterima kasih kepada Perdana Menteri atas jasanya yang turut memperjuangkan republik itu di pentas dunia.

"Kami menyambut baik proses peralihan kuasa yang sedang berlaku di negara ini kerana ia dibuat dalam suasana positif dan teratur.

"Seluruh rakyat Indonesia berharap Dr Mahathir dapat membuat lawatan ke sana sebelum beliau berundur kerana ingin mengucapkan terima kasih kerana beliau selalu membela Indonesia semasa dilanda krisis," katanya dalam satu sidang akhbar di Kedutaan Indonesia di sini hari ini.

Hadi berkata, Indonesia yang menghormati kepemimpinan Dr Mahathir, melihat Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin terkemuka di rantau ini.

Katanya, hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia kini lebih kukuh walaupun timbul beberapa masalah seperti kemasukan pekerja Indonesia ke Malaysia secara haram dan tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan.

"Namun, semua masalah itu perlu diselesaikan melalui saluran diplomatik dan Indonesia yakin kedua-dua negara dapat menjalin kerjasama lebih mantap dalam pelbagai bidang termasuk politik, ketenteraan, ekonomi dan sosial," katanya.

Hadi berkata, kedua-dua negara juga menjalin beberapa kerjasama baru terutama dalam bidang pelaburan.

Sebagai contoh, katanya, ketika lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke republik itu baru-baru ini, kedua-dua negara menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) baru.

Tiga MoU dimeterai iaitu antara Sapura Technologies Sdn Bhd dan PT Dirgantara.

Indonesia serta Tenaga Nasional Bhd dengan PT PLN (Persero) dan PT Indonesia Power.

Pada lawatan itu, Abdullah juga menyatakan keyakinannya kepada kepemimpinan Presiden Megawati Sukarnoputri dan pasukan ekonominya yang kuat untuk memperbaiki iklim pelaburan di negara itu.